

Tengku Mahkota Pahang murka dengan Muhyiddin

Polis diminta ambil tindakan tegas perlekeh tugas Al-Sultan Abdullah ketika jadi Agong

Oleh Nazura Ngah
dan Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanah Ibrahim Alam Shah, menzahirkan kemurkaan dan rasa amat terkilang atas tindakan Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang secara sengaja dan sinis memperlekeh dan mempertikaikan tugas serta peranan Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, ketika baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong Ke-16.

Dalam kenyataan dikeluarkan oleh Istana Abdulaziz semalam, Tengku Hassanah mahu Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil tindakan tegas tanpa kompromi terhadap Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu yang secara sengaja menyentuh sentimen 3R (Raja, agama dan kaum).

Baginda menyifatkan kenyataan Muhyiddin selaku bekas Perdana Menteri dan ahli politik veteran, memanipulasi fakta dan membawa naratif negatif kepada rakyat bahawa Al-Sultan Abdullah seolah-olah tidak beriak adil ketika memilih Perdana Menteri ke-10.

"Kenyataan beliau ini juga kelihatan tidak matang, menampakkan seolah-olah beliau masih tidak boleh menerima kenyataan tidak dilantik sebagai Perdana Menteri.

"Kenyataan dikeluarkan ini juga adalah sangat bahaya kerana secara terang-terangan menghasut rakyat agar hilang kepercayaan terhadap institusi Raja-Raja Melayu serta memecahbelahkan rakyat," titah baginda.

PM dilantik atas budi bicara

Tengku Hassanah bertitah, berdasarkan Perakara 40(2) Perlembagaan Persekutuan, Perdana Menteri dilantik atas budi bicara Yang di-Pertuan Agong yang berperanan sebagai Ketua Negara.

Perkara 43(2) pula menetapkan bahawa Perdana Menteri haruslah dilantik dalam kalangan Ahli Dewan Rakyat yang pada hemat baginda mendapat kepercayaan majoriti ahli dewan.

Baginda bertitah, sungguhpun begitu, Al-Sultan Abdullah tidaklah sewenang-wenangnya membuat keputusan untuk melantik

Perdana Menteri, walaupun Perlembagaan memberikan kuasa mutlak kepada baginda.

"Baginda ketika itu memanggil pakar Perlembagaan, penjawat awam utama negara dan yang terakhir turut secara musyawarah mendapatkan pandangan Majlis Raja-Raja dan akhirnya barulah pelantikan Perdana Menteri semasa itu dibuat.

"Parlimen juga sudah melulus usid undi percaya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 19 Disember 2022. Sehubungan itu, keputusan undi percaya itu adalah jelas dan selari dengan periimbangan Al-Sultan Abdullah ketika memilih Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri.

"Justeru, saya mahu pihak PDRM mengambil tindakan yang tegas tanpa kompromi kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin yang secara sengaja menyentuh sentimen 3R.

"Saya juga ingin menasihatkan kepada semua ahli politik, selaku pemimpin rakyat, mesti sentiasa berpegang teguh pada Prinsip Rukun Negara dan sentiasa menyatupadukan rakyat agar Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa dapat menjadi sebuah negara maju, cemerlang ekonomi, alam sekitarnya lestari dan rakyatnya bahagia," katanya.

Sebelum ini, tular di media so-

sial ucapan Muhyiddin yang dikatakan menyentuh kewibawaan Al-Sultan Abdullah ketika menjadi Yang di-Pertuan Agong Ke-16 dalam ceramah umum Piiihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Nenggiri di FELDA Perasu pada 15 Ogos lalu.

Buat laporan polis

Sementara itu, di **Kuantan**, Setiausaha Sulit kepada Tengku Mahkota Pahang, Amir Syafiq Hamzah membuat laporan polis di Balai Polis Kuantan pada jam 10.38 malam kelmarin.

Amir Syaffiq berkata, laporan itu dibuat selepas menonton rakaman video menerusi aplikasi YouTube yang dimuat naik seorang pemilik akaun ketika berada di Istana Abdulaziz di sini pada jam 3.30 petang, 16 Ogos lalu,

Katanya, kenyataan itu adalah bersifat sinis serta memanipulasi fakta dan membawa naratif negatif kepada rakyat bahawa Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustafa Billah Shah seolah-olah tidak berlaku adil ketika memilih Perdana Menteri.

"Justeru itu, saya selaku Setiausaha Sulit kepada Tengku Mahkota Pahang membuat laporan memohon supaya PDRM mengambil tindakan yang adil dan tegas tanpa kompromi ke atas Tan Sri Muhyiddin Yassin," katanya.